

Usah jejas perpaduan kerana berbeza politik

BH 29 JUN 1990

PASIR MAS, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan rakyat tidak seharusnya menjadikan perbezaan fahaman politik sebagai garis pemisah yang boleh menghalang perpaduan sehingga menjejaskan urusan kehidupan harian mereka.

Perdana Menteri berkata, fahaman politik dan perpaduan adalah dua perkara yang berbeza yang tidak harus dicampurkan sehingga boleh memecahbelahkan mereka, terutama rakyat luar bandar.

Menurutnya, soal perbezaan politik seharusnya dihadkan ketika pilihanraya saja, tetapi dalam menjalani kehidupan harian, masyarakat perlu bersatu

dan bekerjasama bagi meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka.

"Jika perpaduan sudah tidak wujud, ia akan menjejaskan segala perancangan kerajaan untuk memajukan mereka dan ini sekaligus akan merugikan rakyat sendiri.

"Walaupun kita mempunyai fahaman politik yang berbeza, kita harap ia tidak boleh memisahkan kita," katanya ketika berucap dalam siri lawatannya ke Jajahan Pasir Mas, hari ini.

Sehubungan itu, beliau kesal kerana ada pihak tertentu, demi kepentingan politik mereka, berusaha menghalang pelaksanaan rancangan yang disediakan oleh kerajaan bagi faedah

penduduk Kelantan, dengan menghasut kakitangan kerajaan supaya jangan melaksanakannya.

Katanya, perbuatan itu merugikan masyarakat dan sehubungan itu, rakyat Kelantan perlu membuat pilihan yang bijak dalam pilihanraya umum akan datang supaya segala pembangunan yang dirancang untuk negeri ini, dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini pun, golongan berkenaan sudah sanggup melakukan sedemikian dan jika mereka berkuasa kelak, sudah tentu pihak yang tidak sehaluan dengan mereka "akan menerima hukumannya".